

Bahasa Malaysia I

Hasil Pembelajaran

- 2.2.4 Bersoal jawab secara bersopan
- 3.1.1 Menyebut huruf mengikut urutan dan secara rawak
- 3.1.3 Mengenal bentuk huruf kecil
- 3.5.2 Bercerita tentang gambar yang dilihat atau hasil kerja
- 3.7.1 Membaca perkataan dan rangkai kata yang bermakna
- 3.10.2 Membaca mengikut arah dan cara yang betul
- 4.1.1 Melakukan koordinasi mata tangan
- 4.1.2 Melakukan pergerakan tangan dan jari untuk membentuk corak mengikut arah yang betul
- 4.1.3 Memegang alat tulis dengan cara yang betul untuk menulis

Panduan mengajar bagi e-Daya Bahasa Malaysia I

Halaman	Hasil pembelajaran	Objektif	Langkah / Aktiviti	Alat bantu mengajar
1	3.1.1	i. Dapat mengenali bentuk huruf. ii. Dapat membaca atau menyebut huruf “a” hingga “z” dengan betul.	1. Tunjukkan kad besar yang terdapat huruf “a” hingga “z”. 2. Guru membimbing murid membaca huruf “a” hingga “z”. (Ulangi beberapa kali) 3. Murid membaca teks secara: (i) kelas (ii) kumpulan (iii) individu 4. Murid diminta membaca keseluruhan atau sebahagian sahaja. 5. Murid dibimbing menulis setiap huruf dengan jari di udara atau di atas meja. 6. Guru membimbing murid menyanyi lagu abc. 7. Murid menyanyi lagu abc secara: (i) kelas (ii) kumpulan (iii) individu	– Kad huruf – Kad huruf dengan garisan bintik
2	3.1.3 3.7.1 3.10.2 3.5.2	i. Dapat mengenali bentuk huruf “a”. ii. Membaca perkataan atau rangkaian kata dengan betul.	1. Tunjukkan kad huruf “a” dan membacanya, murid turut membaca. 2. Tunjukkan kad gambar “ayam”, minta murid menyebut namanya. 3. Tunjukkan kad perkataan “ayam”, bimbing murid mem-bacanya. (Ulangi beberapa kali) 4. Tunjukkan gambar ayam betina dan kad perkataan “ayam betina” bersama, bimbing murid membacanya. 5. Adakan aktiviti membaca 2 kad perkataan tersebut. 6. Guru membimbing murid bercerita dan bertutur mengenai gambar dalam teks seperti: (a) Ayam jantan berkokok pada waktu pagi. (b) Ayam betina membawa anak ayam mencari makanan. Aktiviti lanjutan: i. Guru membimbing murid bercerita mengenai kegunaan ayam: (a) menghasilkan telur. (b) membekalkan daging. (c) menghasilkan penyapu bulu ayam. ii. Guru boleh mengadakan aktiviti membaca ayat mudah untuk murid-murid yang pandai. Contoh: Ini ayam jantan dan ayam betina.	– Kad huruf “a” – Kad gambar – Kad perkataan
3	3.1.3 3.7.1 3.10.2 4.1.1	i. Dapat mengenali bentuk huruf “b”. ii. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan	1. Tunjukkan kad huruf “b” dan membacanya, murid turut membaca. 2. Tunjukkan bola dan meminta murid menyebut bersama-sama. 3. Tunjukkan kad perkataan “bola”, bimbing murid membacanya. (Ulangi beberapa kali)	– Kad huruf “b” – Benda maujud-bola – Kad perkataan

Halaman	Hasil pembelajaran	Objektif	Langkah / Aktiviti	Alat bantu mengajar
	4.1.2 4.1.3	betul.	4. Sediakan beberapa jenis bola supaya murid boleh menyentuh dan membezakan bola mengikut jenis permainan (bola sepak, bola tampar, bola keranjang ...). 5. Adakan aktiviti membaca teks secara: (i) kelas (ii) kumpulan (iii) individu Aktiviti lanjutan: i. Guru dan murid berbincang tentang bentuk dan saiz bola yang biasa dijumpai.	
5	3.1.3 3.7.1 3.10.2 4.1.1 4.1.2 4.1.3	i. Dapat mengenali bentuk huruf "c". ii. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul. iii. Dapat menyatakan cara penggunaan cawan dengan betul.	1. Pamerkan beberapa biji cawan, guru tunjukkan kad perkataan "cawan". Bimbing murid membaca perkataan tersebut berulang kali. 2. Galakkan murid menceritakan pengalaman mereka tentang penggunaan cawan di rumah (jaga kebersihan dan menyimpannya dengan baik). 3. Adakan aktiviti membaca kad perkataan secara: (i) kelas (ii) kumpulan (iii) individu Aktiviti lanjutan: i. Guru bersoal jawab dengan murid mengenai cara menguruskan cawan setelah digunakan di rumah.	- Benda maujud-cawan - Kad perkataan
6	3.1.3 3.7.1 3.10.2 4.1.1	i. Dapat mengenali bentuk huruf "d". ii. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul.	1. Murid menyatakan ahli keluarga yang tinggal bersama. 2. Nyatakan kaitan antara datuk dengannya. Misalnya, (i) Datuk ialah bapa kepada bapa atau ibu. 3. Tunjukkan kad perkataan "datuk", bimbing murid membacanya. (Ulangi beberapa kali) 4. Adakan aktiviti membaca teks secara kelas, kumpulan atau individu. Aktiviti lanjutan: i. Galakkan murid menyatakan sifat seorang datuk. ii. Nyatakan cara-cara menghormati datuk.	- Kad perkataan
8	2.2.4 3.1.3 3.7.1 3.10.2 4.1.1	i. Dapat mengenali bentuk huruf "e". ii. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul. iii. Nyatakan pengorbanan emak terhadap keluarga.	1. Set induksi – kemukakan beberapa soalan mengenai emak. Contoh: (a) Siapakah yang menyediakan sarapan? (b) Siapakah yang mencuci pakaian? 2. Tunjukkan kad huruf "e" dan membacanya bersama-sama. 3. Tunjukkan kad perkataan "emak", bimbing murid membacanya. 4. Adakan aktiviti membaca kad perkataan secara kelas, kumpulan atau individu. Aktiviti lanjutan: i. Nyatakan tugas-tugas yang dilakukan oleh emak di rumah. ii. Murid boleh dilatih melakonkan dialog dengan menyatakan cara-cara	- Kad huruf "e" - Kad perkataan

Halaman	Hasil pembelajaran	Objektif	Langkah / Aktiviti	Alat bantu mengajar
			meringankan beban kerja emak di rumah.	
9	2.2.4 3.1.3 3.7.1 3.10.2 3.5.2	i. Dapat mengenali bentuk huruf “f”. ii. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul. iii. Dapat bercerita mengenai foto yang ditunjukkan.	1. Tunjukkan sekeping foto dalam kelas dan bersoal jawab bersama-sama. 2. Tunjukkan kad huruf “f” dan membaca huruf “f” bersama-sama. 3. Pamerkan sekeping foto dan kad perkataan “foto” bersama. Bimbing murid membacanya. (Ulangi beberapa kali) 4. Melatih dan membimbing murid bercerita berdasarkan gambar bersiri dalam buku teks. Ringkasan cerita: Pada suatu hari, ayah membawa kami sekeluarga pergi ke zoo. Ayah membeli tiket untuk masuk ke zoo. Sebelum pulang, ayah mengambil gambar saya dan adik di depan seekor gajah. Selepas filem itu dicuci, kami sekeluarga melihat foto yang diambil di zoo dengan gembira. 5. Adakan aktiviti membaca teks secara kelas, kumpulan atau individu. Aktiviti lanjutan: i. Nyatakan benda-benda, tempat-tempat atau keadaan yang dapat dilihat daripada foto.	– Foto – Kad huruf “f” – Kad perkataan
11	2.2.4 3.1.3 3.7.1 3.10.2 4.1.1 4.1.2 4.1.3	i. Dapat mengenali bentuk huruf “g”. ii. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul. iii. Dapat mengecam dan membezakan gajah dari-pada haiwan yang lain.	1. Tunjukkan kad huruf “g”, guru dan murid membaca huruf “g” bersama-sama. 2. Tunjukkan gambar “gajah”, minta murid menyebut namanya. 3. Pamerkan kad perkataan “gajah”, bimbing murid mem-bacanya. (Ulangi sehingga dapat disebut dengan betul) 4. Nyatakan sifat fizikal yang dimiliki oleh gajah. 5. Adakan aktiviti membaca teks secara kumpulan dan individu. Aktiviti lanjutan: i. Edarkan sekeping gambar yang terdapat banyak haiwan, minta murid mewarnakan gambar gajah. ii. Murid menceritakan tentang gajah secara bergilir-gilir.	– Kad huruf “g” – Kad gambar – Kad perkataan – Lembaran gambar
12	2.2.4 3.1.3 3.7.1 3.10.2 3.5.2	i. Dapat mengenali bentuk huruf “h”. ii. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul.	1. Tunjukkan satu bungkusan hadiah kepada kelas dan minta murid nyatakan nama benda itu. 2. Tunjukkan kad huruf “h”, guru dan murid membaca bersama-sama. 3. Tunjukkan kad perkataan “hadiah” dan pamerkannya di tepi kad huruf “h”. Guru membimbing murid membaca kad perkataan “hadiah”. 4. Adakan aktiviti membaca teks sehingga dapat dibaca dengan baik. 5. Melatih murid melakukan dialog atau bercerita berdasarkan gambar bersiri “hari jadi” dalam buku teks. Ringkasan cerita:	– Benda Maujud-hadiah – Kad huruf “h” – Kad perkataan

Halaman	Hasil pembelajaran	Objektif	Langkah / Aktiviti	Alat bantu mengajar
			<p>Hari ini ialah hari jadi Aminah. Kawan-kawannya telah memberikannya hadiah. Mereka menyanyikan lagu “Selamat Hari Jadi” bersama-sama. Aminah sangat gembira kerana dia telah mendapat banyak hadiah.</p> <p>Aktiviti lanjutan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Nyatakan perasaan apabila menerima hadiah mengikut pengalaman masing-masing. Dengan menggunakan kad perkataan, bina ayat mudah seperti: <ol style="list-style-type: none"> Ini hadiah hari jadi saya. Emak memberi hadiah kepada saya. 	– Kad perkataan
14	2.2.4 3.1.3 3.7.1 3.10.2 3.5.2	<ol style="list-style-type: none"> Dapat mengenali bentuk huruf “i”. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul. 	<ol style="list-style-type: none"> Set induksi - bersoal jawab mengenai haiwan yang boleh berenang. Tunjukkan kad huruf “i” dan membaca bersama-sama. Memperkenalkan perkataan “itik” kepada murid, dan minta murid menyebut perkataan itik berulang kali. Galakkan murid menyebut perkataan lain yang bermula dengan “i”. Misalnya, itik, ikan dan lain-lain. Membaca teks berulang kali sehingga fasih. <p>Aktiviti cadangan:</p> <p>— Bercerita “Ayam dan itik”</p> <p>Pada suatu hari, ayam betina bertemu dengan seekor itik di tepi sungai. Ayam betina angkuh dan memandang rendah terhadap itik kerana bulunya tidak secantik ayam. Itik memberitahu ayam bahawa dia berkebolehan untuk berenang. Ayam yang angkuh itu juga mengakui dirinya boleh berenang, lalu terjun ke dalam sungai. Ayam betina nyaris mati lemas. Akhirnya, ayam betina diselamatkan oleh itik. Ayam betina menyesal atas keangkuhannya.</p> <p>=> Guru memberi penekanan bahawa itik pandai berenang manakala ayam tidak pandai berenang.</p>	– Kad huruf “i” – Kad perkataan
15	2.2.4 3.1.3 3.7.1 3.10.2 4.1.1 4.1.2 4.1.3	<ol style="list-style-type: none"> Dapat mengenali bentuk huruf “j”. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul. 	<ol style="list-style-type: none"> Tunjukkan beberapa botol jem yang biasa dilihat. Guru dan murid bersoal jawab tentang jem. Tunjukkan kad huruf “j” dan menyebut bunyinya dengan jelas. Guru membimbing murid menulis huruf “j” dengan jari di udara atau atas meja. Tunjukkan kad perkataan “jem” dan minta murid menyebutnya berulang kali. Murid membaca teks sehingga fasih. <p>Aktiviti lanjutan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Dengan menggunakan kad perkataan, bina ayat mudah dan membimbing murid membaca ayat mudah ini sehingga fasih. 	– Benda maujud - jem – Kad huruf “j” – Kad perkataan – Kad perkataan

Halaman	Hasil pembelajaran	Objektif	Langkah / Aktiviti	Alat bantu mengajar
			<p>Contoh: Saya makan roti dengan jem.</p> <p>ii. Guru tunjukkan kad gambar bagi perkataan yang telah dipelajari secara bersilih ganti. (dari 'a' hingga 'j')</p> <p>iii. Murid menyebut perkataan yang berkaitan dengan gambar.</p> <p>Contoh: Kad gambar Ayam, murid sebut "ayam".</p> <p>iv. Aktiviti (ii) dan (iii) di atas diulangi dengan kad gambar yang lain.</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Kad gambar
17	3.1.3 3.7.1 3.10.2 4.1.1	<p>i. Dapat mengenali bentuk huruf "k".</p> <p>ii. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul.</p>	<p>1. Minta 3 orang murid berdiri di hadapan kelas dan suruh murid yang lain melihat kaki mereka dan memberitahu apa yang dapat mereka perhatikan.</p> <p>Contoh jawapan: Mereka berkasut dan berstoking.</p> <p>2. Tunjukkan kad huruf "k" dan bimbing murid menyebut bunyinya.</p> <p>3. Memperkenalkan perkataan "kasut" kepada murid dengan kad perkataan "kasut". Murid membaca perkataan kasut sehingga fasih.</p> <p>4. Adakan aktiviti membaca teks secara kelas, kumpulan, dan individu.</p> <p>Aktiviti lanjutan:</p> <p>i. Guru menimbulkan suasana atau keadaan tertentu secara lisan atau bergambar.</p> <p>ii. Murid yang mengenal pasti sama ada patut berkasut atau tidak.</p> <p>iii. Guru membuat kesimpulan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Kad huruf "k" – Kad perkataan – Kad gambar
18	2.2.4 3.1.3 3.7.1 3.10.2 4.1.1	<p>i. Dapat mengenali huruf "l".</p> <p>ii. Dapat membaca per-kataan dan rangkai kata dengan betul.</p> <p>iii. Dapat menjawab soalan dengan berpandukan gambar lori.</p>	<p>1. Set induksi – Guru mengemukakan soalan dan murid menjawab soalan.</p> <p>Contoh:</p> <p>(a) Nyatakan beberapa jenis kenderaan yang bergerak di atas jalan raya.</p> <p>(b) Apakah kenderaan yang boleh membawa barang yang berat?</p> <p>2. Pamerkan kad huruf "l" dan menyebut bunyinya bersama.</p> <p>3. Galakkan murid nyatakan benda-benda di sekeliling yang bentuknya sama seperti huruf "l".</p> <p>4. Tunjukkan kad perkataan "lori", murid membaca perkataan "lori" berulang kali.</p> <p>5. Bimbing murid membaca teks yang ada di dalam buku sehingga fasih.</p> <p>Aktiviti lanjutan:</p> <p>i. Tunjukkan sekeping gambar "lori" yang membawa barangan.</p> <p>ii. Guru mengemukakan soalan-soalan dan murid menjawab soalan.</p> <p>Contoh soalan:</p> <p>(a) Adakah lori mempunyai roda?</p> <p>(b) Berapakah jumlah roda yang ada?</p> <p>(c) Apakah kegunaan lori?</p>	<ul style="list-style-type: none"> – Kad huruf "l" – Kad perkataan – Kad gambar

Contoh Pendekatan Bertema Bahasa Malaysia I

